



**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2014
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA(KEDAH)**

MODUL 1

PERDAGANGAN


Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

- 1 Rajah 1 menunjukkan Hierarki keperluan Maslow.



Rajah 1

Apakah X?

- A Keperluan asas
- B Keperluan keselamatan
- C Keperluan kasih sayang
- D Keperluan penghargaan


- 2 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis pengkhususan.

Kawasan Bukit Tambun di Perak mengkhusus dalam pengeluaran limau bali kerana keadaan tanah dan cuaca yang sesuai.

Apakah jenis pengkhususan tersebut?

- A Pengkhususan antarabangsa
- B Pengkhususan mengikut proses
- C Pengkhususan mengikut kawasan
- D Pengkhususan mengikut profesion

- 3 Rajah 2 menunjukkan cabang perdagangan.



Rajah 2

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Eksport	Komunikasi
B	Entrepot	Import
C	Runcit	Borong
D	Pengangkutan	Perbankan

- 4 Situasi manakah yang melibatkan bantuan perniagaan?

- A Pak Jamil menternak ayam dan itik
- B Puan Faizah mengajar di sebuah tadika
- C Cik Norma menghasilkan kerepek pisang
- D Encik Gobu menghantar keluarannya ke kedai-kedai

5 Maklumat berikut berkaitan dengan bantuan perniagaan.

- Menyampaikan maklumat
- Memudahkan kawalan dan pentadbiran perniagaan

Apakah bantuan perniagaan tersebut?

- A Promosi
- B Komunikasi
- C Pergudangan
- D Pengangkutan

6 Apakah maksud perniagaan dalam negeri?

- A Aktiviti memasarkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
- B Aktiviti membeli dan menjual barang untuk mendapatkan keuntungan
- C Aktiviti mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna akhir
- D Aktiviti membeli dan menjual barang antara penduduk di dalam sesebuah negara

7 Antara yang berikut, yang manakah merupakan fungsi peruncit kecil-kecilan kepada pengguna?

- I Menjual secara kredit kepada semua pelanggan
 - II Menjual mengikut permintaan pengguna
 - III Menjual pelbagai jenis barang
 - IV Menjual secara pukal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis pemborong.

- Menemukan penjual dan pembeli
- Tidak mempunyai hak milik terhadap barang
- Menerima komisen

- A Broker
B Ejen pengeluar
C Pemborong jober para
D Pemborong pesanan berwakil

9 Dokumen yang manakah digunakan sebelum urus niaga dijalankan?

- A Sebut harga
B Nota serahan
C Borang pesanan
D Nota makluman

10 Maklumat di bawah berkaitan dengan sebut harga yang diterima oleh seorang pembeli.

Mesin basuh Top One : RM1 800
Diskaun niaga : 15%
Diskaun tunai : 10% 10 hari
5% 20 hari

Berapakah yang perlu dibayar oleh pembeli jika menjelaskan bayaran dalam tempoh 6 hari?

- A RM1 350
B RM1 377
C RM1 530
D RM1 620

11 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kaedah jualan.

Encik Ramli membeli sebuah kereta baru secara kredit.
Selepas empat bulan, kereta itu ditarik balik kerana dia gagal membayar ansuran bulanannya.

Apakah jenis kaedah jualan tersebut?

- A Bayaran tertunda
- B Bayaran ansuran
- C Jualan konsainan
- D Sewa beli

12 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis saluran agihan.

Pengeluar → Pengguna

Apakah jenis keluaran yang sesuai dipasarkan menggunakan saluran tersebut?

- A Kereta
- B Alat tulis
- C Mesin basuh
- D Cermin mata

- 13 Gambar 1 menunjukkan satu kempen pelancongan yang diadakan di Malaysia.



Gambar 1

Mengapakah kerajaan menganjurkan kempen tersebut?

- A Untuk meningkatkan eksport nyata Malaysia
- B Untuk meningkatkan pertukaran mata wang asing
- C Untuk mengurangkan nilai import tak nyata Malaysia
- D Untuk mengurangkan nilai eksport tak nyata Malaysia

- 14 Jadual berikut menunjukkan data eksport Malaysia.

Jenis Eksport	Nilai Eksport (RM Juta)
Pertanian	25 000
Pelancongan	3 400
Galian	13 000
Pengangkutan	2 100
Perkilangan	37 500

Hitungkan perbezaan di antara nilai eksport nyata dengan eksport tak nyata.

- A 44 000
- B 48 200
- C 70 000
- D 74 200

15 Maklumat berikut menerangkan ciri suatu kegiatan Industri Kecil dan Sederhana.

- Melibatkan teknologi dalam bidang kimpalan
- Keluarannya adalah untuk kegunaan industri berat atau industri pembinaan

Apakah kegiatan industri tersebut?

- A Industri berasaskan logam
- B Industri berasaskan sumber
- C Industri komponen automotif
- D Industri komponen elektrik dan elektronik

16 Antara berikut, agensi manakah membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam menyediakan latihan kemahiran untuk pekerja?

- I Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - II Perbadanan Daya Pengeluaran Negara (PDPN)
 - III Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)
 - IV Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF)
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

17 Apakah kelebihan mengambil alih sesebuah perniagaan?

- I Dapat mengurangkan persaingan
 - II Dapat menggunakan jenama yang sudah terkenal
 - III Dapat menggunakan peralatan dan pelanggan sedia ada
 - IV Dapat menerima bimbingan dan latihan daripada syarikat asal
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

18 Maklumat berikut berkaitan sejenis pemilikan perniagaan.

Klinik Jamil dan Ram

Apakah kelebihan pemilikan perniagaan tersebut?

- A Perniagaan kekal lama
- B Dapat berkongsi kepakaran
- C Menanggung liabiliti terhad
- D Keuntungan dibahagi sama rata

19 Maklumat di bawah berkaitan dengan pelaburan.

Encik Jay Ramli membeli dan menjual syer berdasarkan khabar angin.

Siapakah Encik Jay Ramli?

- A Broker
- B Pelabur
- C Remisier
- D Spekulator

20 Bagaimanakah Bursa Malaysia melindungi kepentingan para pelabur?

- A Penerbitan syer
- B Pembelian dan penjualan syer
- C Penyediaan pinjaman untuk melabur
- D Penyediaan tempat untuk urus niaga sekuriti

21 Gambar 2 adalah logo sebuah bank.



Gambar 2

Apakah perkhidmatan simpanan yang disediakan oleh bank tersebut?

- I Kad kredit
- II Akaun GIRO
- III Skim SEDAR
- IV Skim sewa beli kenderaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Apakah jenis bank yang menanggung jamin terbitan syer syarikat?

- A Bank perdagangan
- B Bank saudagar
- C Bank koperasi
- D Bank pusat

23 Rajah 3 menunjukkan sejenis cek.

\	BANK KUAT BERHAD Jalan Putih, Ipoh	02-31211 Stamp Duty paid
		Tarikh: 28.08.2013
Bayar : <u>Zubir bin Azman</u>	Atau Pembawa	
Ringgit : <u>Dua Ribu sahaja</u>	RM2 000/=	<u>Lai Meng</u>
1110141 17 12141 0000078732 01		

Rajah 3

Pernyataan yang manakah benar?

- A Cek ini boleh ditunaikan di mana-mana kaunter bank
- B Cek ini boleh ditunaikan di kaunter Bank Kuat Berhad sahaja
- C Cek ini boleh dimasukkan ke dalam akaun penerima di mana-mana bank
- D Cek ini boleh dimasukkan ke dalam akaun penerima di Bank Kuat Berhad sahaja

24 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan pembayaran bank.

Puan Zauyah meminta pihak bank membayar ansuran sewa beli keretanya pada 3 hari bulan setiap bulan.

Apakah jenis kemudahan pembayaran tersebut?

- A Pindahan kredit
- B Arahan tetap
- C Overdraf
- D Draf bank

25 Apakah yang diterima oleh penyimpan akaun simpanan dalam sistem perbankan konvensional?

- A Komisen
- B Dividen
- C Faedah
- D Sewa

26 Pernyataan yang manakah benar mengenai insurans?

- I Meminimumkan kerugian apabila ditimpa risiko
 - II Amalan tolong-menolong apabila menghadapi risiko
 - III Cara mudah untuk mengatasi risiko yang tidak diingini
 - IV Mengurangkan risiko bencana melalui bayaran ganti rugi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Situasi berikut berkaitan dengan satu tuntutan ganti rugi.

Puan Rosliza telah kehilangan sebuah kereta dan syarikat insurans membayar ganti rugi kepadanya. Apabila kereta tersebut dijumpai semula, Puan Rosliza cuba menuntut kereta itu kembali tetapi ditolak oleh syarikat insurans.

- Apakah prinsip yang digunakan oleh syarikat insurans untuk menolak tuntutan Puan Rosliza?
- A Subrogasi
 - B Sumbangan
 - C Penuh percaya mutlak
 - D Doktrin sebab hampiran


28 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis insurans.

Encik Jonny berhasrat menyediakan perlindungan insurans kepada keluarganya. Walaupun berpendapatan rendah, beliau sanggup membayar premium yang kecil sehingga meninggal dunia.

Apakah jenis insurans yang perlu beliau miliki?

- A Insurans liabiliti am
- B Insurans hayat sementara
- C Insurans hayat seumur hidup
- D Insurans kemalangan peribadi

29 Rajah 4 menunjukkan langkah yang perlu diambil untuk membuat tuntutan ganti rugi.



Rajah 4

Apakah X?

- A Melaporkan kepada pihak polis
- B Mengenal pasti tiada penipuan berlaku
- C Menentukan semua syarat dalam polisi dipatuhi
- D Memastikan jumlah tuntutan adalah jumlah kerugian yang sebenar

30 Bagaimanakah pengangkutan yang cekap dapat menggalakkan pengaliran modal ke dalam negara?

- I Menarik kemasukan pelaburan asing
 - II Memudahkan pergerakan pelancong
 - III Mempelbagaikan pilihan pengguna
 - IV Menyebarluaskan hasil ciptaan sains dan teknologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Mengapa penggunaan saluran paip masih kurang popular?

- I Penggunaannya terhad
 - II Kos pemasangan tinggi
 - III Kerja pemunggahan yang banyak
 - IV Kerja pembaikan sukar dilakukan
- A I,II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I,III dan IV
 - D II, III dan IV

32 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem penghantaran barang.

- Melicinkan penghantaran barang ke luar negara
- Peraturan dan dokumentasi kastam dapat dipermudahkan

Apakah sistem tersebut?

- A Perdagangan bebas
- B Perkhidmatan kurier
- C Pengangkutan bersepadu
- D Pengangkutan Antarabangsa Routier

33 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan komunikasi kepada peniaga.

- Mengetahui keadaan pasaran
- Mengetahui turun naik harga barang
- Membantu membuat perancangan dan tindakan yang menguntungkan perniagaan

Apakah peranan tersebut?

- A Meluaskan pasaran
- B Menyebarluaskan maklumat
- C Melicinkan aktiviti perniagaan
- D Mengelakkan kerugian dan kerosakan

34 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri satu perkhidmatan pos.

- Merupakan perkhidmatan kurier
- Menghantar surat dan dokumen dengan cepat
- Serahan pintu ke pintu

Apakah nama perkhidmatan tersebut?

- A Daftar A.R.
- B Aerogram
- C Datapos
- D Pos laju

35 Berapa lamakah tempoh laku Wang Pos Malaysia?

- A Satu bulan
- B Dua bulan
- C Tiga bulan
- D Empat bulan

36 Maklumat berikut berkaitan seorang peruncit yang memerlukan perkhidmatan pos.

Encik Ah Lim seorang peruncit kecil-kecilan di Alor Star. Beliau memilih menghantar dokumen perniagaannya ke Sungai Petani menggunakan surat.

Apakah faktor utama yang mempengaruhi pemilihan jenis perkhidmatan tersebut?

- A Jenis maklumat
- B Kesegeraan
- C Jarak
- D Kos

37 Gambar 3 menunjukkan sejenis media pengiklanan.



Gambar 3


Apakah faktor-faktor pemilihan media tersebut?

- I Saiz pasaran kecil
 - II Kos pengiklanan murah
 - III Dasar kerajaan menggalakkan
 - IV Kos keluaran tinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

38 Bagaimanakah pergudangan membantu menstabilkan harga barang?

- A Melalui aktiviti memecah pukal
- B Melalui proses pengagihan pada masa yang sesuai
- C Menyimpan barang import yang belum dijelaskan cukainya
- D Menyelaraskan penawaran dan permintaan di pasaran

39 Rajah 4 berkaitan iklan susu tepung yang disiarkan dalam akhbar tempatan.



Rajah 4

Apakah gaya tarikan iklan yang digunakan?

- A Pujukan rasional
- B Pujukan emosi
- C Pujukan mesra
- D Pujukan moral

40 Apakah media pengiklanan yang paling berkesan tetapi pengeluar perlu menanggung kos yang tinggi?

- A Majalah
- B Pameran
- C Televisyen
- D Halaman kuning

KERTAS SOALAN TAMAT